

Sultan Selangor hadir berbuka puasa di KUIS

Archival News | Utusan Malaysia | 10/08/2012

KUALA LUMPUR 9 Ogos Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan hadir ke majlis berbuka puasa bersama-sama 2,000 pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) di kampusnya di Bandar Sri Putra dekat sini hari ini.

Majlis tersebut turut dihadiri ahli-ahli akademik, kakitangan, penerima asnaf dan penduduk setempat. Hadir sama Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammad Khusrin Munawi dan Rektor KUIS, Prof. Datuk Dr. Aziuddin Ahmad. Pada majlis tersebut baginda turut diberi penghormatan menyampaikan bantuan kepada 325 orang yang terdiri daripada pelajar asnaf dan golongan mualaf.

Sultan Selangor kemudian menunaikan solat maghrib, isyak dan tarawih di Masjid al-Azhar KUIS. Sementara itu, Aziuddin di dalam ucapannya menyatakan komitmen KUIS Melahirkan insan yang mempunyai ilmu yang tinggi dalam bidang agama dan akademik sekali gus mampu memberi manfaat kepada pembangunan Islam, masyarakat dan negara.

KUIS merupakan sebuah institusi pengajian tinggi milik penuh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

(END)

(Source by: Utusan Malavsia)

